

Media: Sinar Harian

Date: 8 May 2019

## ***Ajinomoto galak pengambilan sayur-sayuran***

**BERSEMPENA** Bulan Pemakanan Malaysia 2019, Ajinomoto (Malaysia) Berhad meneruskan inisiatif dalam memperluas kaedah memasak 'Campur, Campur, Siap!' bagi menggalakkan pengambilan sayur-sayuran dalam kalangan rakyat Malaysia.

'Campur, Campur, Siap!' menekankan masakan yang ringkas, cepat, lazat dan berkhasiat.

Ajinomoto dalam kenyataannya memberitahu, konsep 'Campur, Campur, Siap!' yang menggalakkan pengambilan sayur-sayuran mencukupi itu tercetus daripada kempen Pinggan Sihat Malaysia #SukuSuku-Separuh yang telah diperkenalkan oleh Kementerian Kesihatan



**Pengagihan token penghargaan oleh Pengerusi Jawatankuasa Penasihat Bulan Pemakanan Malaysia Dr Tee E Siong (lima dari kanan) di Putrajaya, baru-baru ini.**

Malaysia sejak Disember 2016.

"Sebagai salah satu penaja utama Bulan Pemakanan Malaysia, Ajinomoto menawarkan pelbagai aktiviti menarik semasa aktiviti *Food Fit Fun Fair* termasuk akti-

viti Seronok Memasak: Campur, Campur, Siap! antara ibu bapa dan anak, perkongsian maklumat umami, demonstrasi memasak sayur labu, serta kuiz tonton dan menang," katanya.